

14 OCT 2002

KOMNAS-PASARAN/I

DH INFO TECH AZAM KUASAI PASARAN LEBIH BESAR UNTUK KOMNAS

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- DRB-HICOM Information Technologies Sdn Bhd (DH Info Tech), telah membentuk kerjasama strategik dengan tujuh buah syarikat terkemuka, dalam usaha menerokai dan menguasai pasaran komputer peribadi menerusi produk komputer nasional, KOMNAS twenty20.

Hari ini, ia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan tujuh syarikat iaitu Bank Simpanan Nasional, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), Pos Malaysia, Telekom Sales & Services Sdn Bhd and tiga lagi anak syarikat DRB-HICOM -- Puspakom, EON Bhd dan Scott & English Electronics Sdn Bhd.

Pengerusi DH Info Tech Datuk Yatina Yahaya berkata yang strategi pemasaran baru ini bertujuan supaya rakyat Malaysia seluruh negara dapat memiliki komputer, terutamanya di kawasan luar bandar dan pada masa yang sama menguasai 85 peratus warga Malaysia yang masih tidak memiliki PC di rumah.

Dengan strategi ini, KOMNAS Twenty20 boleh menjangkau lebih ramai pengguna dengan lebih berkesan termasuk Sabah dan Sarawak, kata beliau pada majlis menandatangani perjanjian itu, yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Saleh dan pengerusi DRB HICOM, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

KOMNAS twenty20 boleh didapati di lokasi-lokasi terpilih Kedai Telekom, Puspakom, Eon Bhd dan rangkaian pengedaran Scott & English Electronic.

Perjanjian MoU itu akan membentuk jalinan kerjasama strategik dengan Pos Malaysia dan membolehkan KOMNAS dapat dihantar terus ke rumah pelanggan sementara BSN akan menyediakan pembiayaan kepada kakitangan kerajaan menerusi potongan gaji untuk tempoh 36 hingga 60 bulan, diuruskan oleh Angkasa.

Telekom Sales & Service Sdn Bhd, Puspakom, EON Bhd dan Scotts & English Electronics akan menjadi saluran peruncitan KOMNAS.

Orang ramai kini boleh membuat pesanan untuk membeli PC nasional itu di mana-mana kedai terpilih atau menelefon pusat panggilan di 02-2052 7500.

KOMNAS dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Julai, 2002 dan setakat hari ini telah berjaya memenuhi lebih daripada 2,000 pesanan.

Yatina berkata DH Info Tech dijangka menjual kira-kira 3,000 unit PC sebulan di 150 kedai menjelang akhir tahun ini.

"Bagaimanapun, dalam suku kedua tahun depan, kami berharap dapat meningkatkannya sebanyak 18,000 unit sebulan menerusi 900 kedai seluruh negara," kata beliau.

Yatina berkata DH Info Tech juga kini aktif membangunkan perisian dan aplikasi baru untuk meningkat dan menaik taraf rumusan pengkomputeran yang ditawarkan menerusi KOMNAS.

"Selain daripada itu, kami juga mahu menjadi peserta aktif dalam projek terjemahan "Open Office", sekali gus mengembangkannya menjadi produk," kata beliau.

Yatina juga berkata DH Info Tech telah bersedia menjadi pembekal, sekiranya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyambung semula skim pengeluaran wang untuk belian komputer.

"Kami telahpun menemui pegawai KWSP sebelum skim itu digantung. Bagaimanapun, pada masa itu KOMNAS belum lagi dilancarkan," tambah beliau.

-- BERNAMA

TNS FR AA

